**KERATAN AKHBAR**

**JUDUL AKHBAR : BERITA HARIAN**

**TARIKH : 10 OKTOBER 2026**

**MUKA SURAT : 16**

# Peruntukan bantu OKU naik kepada RM1.5 bilion

**Peruntukan** bantuan orang kurang upaya (OKU) meningkat kepada RM1.5 bilion untuk lebih 300,000 penerima.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kadar bantuan penjagaan OKU terlantar dan pesakit kronik ditingkatkan daripada RM500 kepada RM600 sebulan.

Ambang pendapatan bagi melayakkan Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya pula ditingkatkan daripada RM1,700 kepada RM2,000.

Sementara elaun Murid Berkeperluan Pendidikan Khas ditingkatkan daripada RM50 kepada RM200 sebulan, untuk memanfaat 150,000 murid istimewa termasuk anak autistik.






**15 PDK dinaik taraf**

Insentif Pengajaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas pula ditingkatkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan, sekali gus memberi manfaat kepada 20,000 guru pendidikan khas.

Dalam perkembangan lain, dua Pusat Permata Kurnia akan dibina di Melaka dan Pahang sebagai pusat khusus untuk anak-anak autistik diberi pendidikan, sokongan serta latihan.

Lebih 130 kelas Tabika Tunas Istimewa baharu pula akan dibuka di kawasan desa seluruh negara bagi membolehkan anak autistik keluarga susah mendapat bimbingan awal lebih berkesan.

Sebanyak 15 premis Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dinaik taraf kepada Pusat Terapi Khusus untuk memanfaat 20 ribu OKU Sindrom Down berdaftar.

Sementara itu, 3,000 penjaga OKU baharu dibekalkan kemahiran khusus bagi memenuhi keperluan perkhidmatan penjagaan OKU di seluruh negara.

Dalam Belanjawan 2026, kerajaan memperuntukkan RM1.4 bilion bagi memperkasa kebajikan dan kesejahteraan OKU di Malaysia.